

**Penduduk Berterima Kasih Kepada PM Bina Kampus UiTM Di Raub
Bernama
3 Ogos, 2012**

RAUB, 3 Ogos (Bernama) -- Penduduk di daerah ini berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak kerana meluluskan pembinaan sebuah kampus cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Raub.

Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Raub Sheikh Salehuddin Sheikh Abdul Rahim berkata rata-rata penduduk tidak menduga sebuah pusat pengajian tinggi akan dibina di daerah pedalaman itu.

"Kewujudan UiTM itu juga secara tidak langsung memberi perangsang dan galakan kepada para pelajar di daerah ini untuk berusaha ke menara gading sekali gus melahirkan lebih ramai pelajar berkualiti," katanya, di sini pada Jumaat..

Beliau juga yakin pembinaan kampus UiTM itu bakal merencanakan pembangunan setempat dan meningkatkan ekonomi penduduk.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno Raub Jariah Kasim berkata pembinaan projek itu menjadikan daerah Raub lebih terkenal dan meningkatkan jumlah penduduknya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685344>

